Hukum Pelaburan Emas Menggunakan Dana Zakat atau Dana Sumber Am di bawah Kumpulan Wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Oleh:

PM. Dr. Lukman bin Abdul Mutalib

Ust. Muhammad Faris bin Muhammad Ismi

Latar belakang masalah kajian.

Di Malaysia, wang dana zakat dan baitulmal adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Perkara ini sejajar dengan Jadual kesembilan senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 70 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Sejak kebelakangan ini, kesedaran umat Islam tentang tanggungjawab zakat dan pengurusan harta mengikut syariat Islam telah berkembang dengan pesat. Sistem pungutan harta zakat dan sumber am yang sentiasa diperbaiki telah meningkatkan jumlah kutipan setiap tahun.

Di negeri Perak khususnya dan Malaysia amnya, kutipan wang zakat dan baitulmal semakin meningkat saban tahun sehingga mencecah jutaan ringgit. Antara faktornya adalah keberkesanan sistem pungutan dan tidak semua kutipan dapat diagihkan pada tahun semasa menyebabkan terdapat baki lebihan setelah diagihkan.

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Agihan Zakat (RM)	Lebihan (RM)
2022	143,844,260.43	137,243,687.00	6,600,573.43
2021	183,483,492.17	169,561,173.66	13,922,318.51
2020	194,852,777.46	189,920,200.65	4,932,576.81
2019	207,187,053.49	196,043,522.92	11,143,530.57
2018	176,239,032.21	175,163,270.08	1,075,762.13

(Hasil kutipan dan agihan zakat MAIDAM Perak 2018-2022)

(Sumber: Laman web Maidam)

Fenomena ini telah membangkitkan isu pelaburan wang zakat atau sumber am di bawah kumpulan wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan adat Melayu Perak. Baitulmal selaku pihak yang diamanahkan untuk mengurus harta-harta tersebut telah mengambil jalan yang lebih memberi manfaat kepada asnaf dan penerima yang berhak untuk melaburkan lebihan wang tersebut, bagi mendapat jaminan pulangan yang berterusan dan manfaat yang lebih besar oleh penerimanya pada masa hadapan.

Namun, persoalan yang timbul ialah adakah dana zakat dan sumber am boleh dilaburkan sebagai usaha untuk memaksimumkan kemaslahatan pihak asnaf zakat? Apakah prosedur yang sesuai untuk melabur wang zakat dan sumber am jika dibolehkan? Adakah boleh menggunakan dana zakat dan sumber am dalam pelaburan emas. Perkara-perkara ini menjadi persoalan yang perlu dirungkaikan dalam kajian ini.

Objektif kajian:

i. Mengenal pasti sumber dan agihan dana zakat dan dana sumber am di bawah kumpulan wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.
ii. Menganalisis hukum pelaburan menggunakan dana zakat dan sumber Am di bawah kumpulan wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
iii. Menganalisis hukum pelaburan emas menggunakan dana zakat dan sumber Am di bawah kumpulan wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

OBJEKTIF 1: SUMBER & AGIHAN DANA ZAKAT DAN SUMBER ‘AM

Definisi, sumber dan agihan dana zakat dan sumber am

Sebelum membahaskan persoalan ini dengan lebih lanjut, disini akan diterangkan terlebih dahulu maksud zakat dan sumber am dari perspektif pentadbiran hukum syarak di negeri Perak, sumber dan agihan pendapatannya.

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam. Kewajipan melaksanakannya telah ditegaskan dalam al-Quran, hadis serta ijmak. Dari segi **bahasa**, zakat bermaksud

bersih, subur, bertambah, berkat, dan suci[1]. Dari sudut **istilah** pula ia adalah nama bagi sejumlah harta tertentu yang wajib diberi oleh seseorang kepada golongan tertentu dengan syarat-syarat tertentu[2]. Dalam erti kata lain zakat ialah satu sistem yang diperkenalkan oleh Islam sebagai salah satu instrumen ekonomi yang menjadi asas kepada sistem kemasyarakatan[3].

Sumber perolehan zakat adalah terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah dikutip pada bulan Ramadhan sehingga sebelum solat sunat Aidilfitri manakala zakat harta pula tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syari'ah[4].

Manakala sumber am pula ialah harta perolehan Bait al-Mal selain zakat dan waqaf. Menurut Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Sumber Am adalah dikenali sebagai harta yang dimanfaatkan untuk kepentingan awam. Ia juga adalah suatu sumber yang diuruskan oleh Baitulmal yang tidak termasuk dengan sumber Zakat atau Wakaf. Kesimpulannya, sumber am ialah harta yang disyariatkan kecuali zakat dan wakaf dan dimanfaatkan untuk kepentingan awam.

Di Malaysia, pengurusan baitulmal telah diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan (1963). Di setiap negeri, perkara mengenai baitulmal terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing.

Sumber perolehan sumber am terdiri daripada harta-harta yang disyariatkan Islam kecuali zakat dan wakaf. Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Seksyen 70: Penubuhan Baitulmal, perkara 1(B), Sumber 'Am Baitulmal Perak hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:

---

1 Ibn Manzur (1992) Lisan al-Arab. Beirut: Dar al-Sadir.

2 Syirbiny al-Khatib (2006) Mughny al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'aany alfaz al-Minhaj. Cairo Dar al-Hadis. Jil. 2. Hlm. 86

3 Azman Abdul Rahman et.al (2020) Kutipan zakat antara sempadan negeri isu perundangan syariah . hlm 13

4 Farooq Alani & Hisyam Yaacob (2011) Pelaburan Dana Zakat: Satu Kajian Permulaan (Investment Of Zakat Fund: An Exploratory Study). Kertas kerja yang dibentangkan dalam World Congress on Islamic System 2011 [World-ISLAM2011] pada 28-29 November di Villa Hotel & Suites, Subang, Malaysia.

(a) Sumbangan dan pemberian;

(b) Fidyah dan kafarah;

(c) Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut;

(d) Harta pusaka yang tidak diwarisi;

(e) Harta-harta tercicir (luqatah);

(f) Sumber-sumber lain Baitulmal mengikut Enakmen ini atau Hukum Syarak.

Agihan dana Zakat dan Sumber 'Am

Saluran pengagihan zakat pula terbahagi kepada 8 iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnus sabil seperti yang telah ditetapkan dalam al-quran surah at-Taubah:60:

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٦٠

Yang bermaksud: *"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil dan muallaf yang dijinakkan hati-hati mereka dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dan orang-orang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan".*

Struktur pentadbiran dan perkara yang berkaitan zakat adalah di bawah kuasa setiap negeri melainkan wilayah persekutuan, yang mana pengurusannya terletak di bawah kerajaan Persekutuan.[5] Institusi yang berperanan mengurus zakat pula adalah tetap di bawah Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (MAIAIM) bagi setiap negeri kecuali negeri Kedah yang mana zakat dikutip oleh lembaga zakat yang dikenali sebagai Jawatan kuasa Zakat [6].

[5] Azman Abdul Rahman et.al (2020)

[6] Azman Abdul Rahman & Afaf Sukari (2022) Dimensi baru pengurusan Kutipan dan Agihan zakat Dalam Mendepani Wabak covid-19. Nilai Univ. Sains Islam Malaysia.

Saluran pengagihan sumber am pula secara umumnya diuruskan mengikut syarak dan dibelanjakan untuk kepentingan umat Islam secara umum. Diantara aktiviti/pengurusannya ialah:

1. Bantuan-bantuan baitulmal[7]
2. Program awam (cth: ibadat qurban)
3. Pengurusan harta pusaka.
4. Pengurusan harta Luqatah (Lelongan/Tender).
5. Pengurusan harta Fidyah (agihan fakir miskin).
6. Skim biasiswa pelajaran baitulmal Perak[8].

Kesimpulannya, sumber perolehan dan agihan dana zakat adalah berbeza dengan Sumber perolehan dan agihan Sumber ‘Am. Zakat adalah satu Ibadah yang telah ditentukan secara nas dari aspek sumber dan penerimanya. Manakala Sumber ‘Am adalah sebahagian wang Baitulmal yang boleh dibelanjakan mengikut keperluan dan maslahat umat Islam sebagaimana yang difikirkan oleh pemerintah.

OBJEKTIF 2: HUKUM PELABURAN MENGGUNAKAN DANA ZAKAT DAN SUMBER AM DI BAWAH KUMPULAN WANG BAIT AL-MAL MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK.

Harta adalah suatu yang amat di perlukan dalam kehidupan seseorang. Walaupun harta bukan matlamat, tetapi ia adalah medium penting untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Islam amat menekankan soal pengurusan harta demi menjaga kesejahteraan umatnya. Bermula dari konsep pemilikan, penjagaan dan pengembangannya di datangkan hukum yang jelas. Justeru, ia membenarkan pelbagai bentuk transaksi harta seperti jual beli, sewaan, upah, penggajian, syarikat, gadaian dan lain-lain. Pelaburan adalah merupakan salah satu transaksi ekonomi yang diharuskan.

[7] Baitul Mal MAIK. https://maik.kedah.gov.my/index.php/baitulmal/

[8] Bahagian agihan zakat MAIPk. https://bantuanrakyat.my/skim-biasiswa-pelajaran-baitulmal-perak/

Pelaburan dalam bahasa Arab disebut sebagai isthismar (استثمار). Ia berasal dari kata dasar *thamara* yang bermaksud hasil atau membuahkan hasil[9]. Justeru isthismar dari sudut bahasa ialah harapan agar bertambahnya hasil[10]. Dari segi istilah terdapat banyak pandangan ulama dari gaya bahasa yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang hampir sama. Secara umumnya pelaburan ialah satu usaha pengembangan harta melalui sumbangan modal yang dilaburkan dalam satu urusniaga dengan harapan akan mendapat keuntungan yang berlipat ganda[11]. Menerusi definisi ini terdapat 3 elemen penting iaitu harta (modal), urusniaga (operasi pengembangan) dan keuntungan.

Dalil keharusan pelaburan sabit melalui nas al-Quran, hadis nabi SAW, ijmak ulama, qias dan amalan para sahabat. Antara dalil sabitannya adalah firman Allah SWT dalam surah al-Jumuah (62:10)

فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَٱبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ١٠

Maksudnya: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

Perkataan *'ibtigha''* dalam ayat di atas merangkumi pelaburan dan apa-apa jua aktiviti yang memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Manakala dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa nabi SAW bersabda:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: " كَانَ الْعَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ إِذَا دَفَعَ مَالًا مُضَارَبَةً اشْتَرَطَ عَلَى صَاحِبِهِ أَنْ لَا يَسْلُكَ بِهِ بَحْرًا، وَلَا يَنْزِلَ بِهِ وَادِيًا، وَلَا يَشْتَرِيَ بِهِ ذَاتَ كَبِدٍ رَطْبَةٍ، فَإِنْ فَعَلَ فَهُوَ ضَامِنٌ، فَرَفَعَ شَرْطَهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَجَازَهُ "

Maksudnya: *Daripada Ibn Abbas, beliau berkata "Abbas b Abdul Mutalib apabila ia mengeluarkan harta untuk pelaburan ia telah mengenakan syarat iaitu tidak boleh dibawa ke lautan atau ke lembah atau membeli barangan yang hidup. Sesiapa yang melanggar syarat ini di perlu menjamin barang tersebut (jika berlaku kerosakan). Lalu Ibn Abbas*

9 Ibn Manzur (1992) Lisan al-Arab.
10 Mawsu'ah Fiqhiyyah (1993)
11 Azman Abdul Rahman et al. (2020)

mengadu syarat-syarat ini kepada Rasulullah SAW, lantas Rasulullah SAW membenarkannya.

Pelaburan merupakan salah satu cara meningkat dan mengembangkan harta yang sedia ada. Umumnya, terdapat pelbagai aktiviti pelaburan yang dijalankan di Malaysia yang melibatkan pelbagai kelompok. Aktiviti ini secara tidak langsung banyak membantu membangunkan taraf ekonomi penduduk Malaysia.

Ulama bersepakat bahawa hukum pelaburan adalah **harus** apabila mengikut garis panduan yang ditetapkan. Ini kerana tiap sesuatu yang memberi manfaat, kebaikan dan mendatangkan hasil, adalah harus dilaburkan. Harta juga tidak harus disimpan tanpa dijana kerana ia boleh membawa kepada kerosakan[12].

Hukum pelaburan dari dana sumber 'Am.

Sumber 'Am sebagaimana yang dijelaskan dalam definisi sebelum ini ialah segala bentuk perolehan harta selain dari sumber zakat, waqaf khas, nazar khas dan wang amanah (EPAIPk. Sek. 70 (1A) & 1B dan Sek. 81). Sesuai dengan namanya sebagai sumber 'Am, maka cara pemerolehan hartanya adalah pelbagai dan tidak tertakluk kepada tujuan-tujuan tertentu. Berbeza dengan zakat, waqaf khas, nazar khas dan wang amanah, manfaat penerimanya telah ditentukan sama ada melalui nas al-Quran atau syarat-syarat yang diletakkan oleh penyumbang itu sendiri. Justeru, Pengagihan dana sumber 'Am adalah di bawah bidang kuasa Majlis sepenuhnya berpandukan kepada kemaslahatan umum, mematuhi undang-undang dan hukum syarak.

Dalam hukum fikah, pihak berkuasa atau kerajaan boleh membelanjakan kewangannya kepada perkara-perkara yang difikirkan mendatangkan faedah dan manfaat kepada rakyat. Situasi ini dapat dilihat dari tindakan Rasulullah SAW yang melewatkan pengagihan zakat unta untuk satu tempoh tertentu yang mana kemudiannya perbuatan ini diikuti oleh Saidina Umar r.a. dan para sahabat. Sebahagian fuqaha mentafsirkan fenomena ini sebagai keharusan melaburkan harta zakat. Apa pun, sama ada pentafsiran itu tepat atau tidak, Rasulullah SAW dan Saidina Umar r.a. telah melewatkan agihan harta zakat ini untuk

[12] Azman Abdul Rahman & Irwan Mohd Sobri (2014) Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam. Nilai : Univ. Sains Islam Malaysia.

membiarkan unta itu lebih membesar dan akan memberi lebih manfaat kepada penerimanya[13]. Perkara ini dilakukan apabila dilihat wujud maslahat pada polisi tersebut.

Saidina Umar juga diriwayatkan berkata[14]

عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ: قَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إنِّي أَنزَلْتُ نفْسِي مِنْ مَالِ اللَّهِ بِمَنْزِلَةِ وَالِي الْيَتِيمِ، إنْ احْتَجْتُ أَخَذْتُ مِنْهُ فَإِذَا أَيْسَرْتُ رَدَدْتُهُ فَإِنْ اسْتَغْنَيْتُ اسْتَعْفَفْتُ

Bermaksud: *Daripada Barra' bin 'Azib beliau berkata bahawa saidina Umar r.a. berkata "Aku meletakkan diriku dalam urusan harta Allah SWT (Baitulmal) seperti mana kedudukan wali terhadap anak yatim. Sekira aku perlu, aku akan ambil darinya, apabila aku senang aku pulangkan semula harta itu dan apabila aku berkecukupan aku akan menjauhkan diri darinya*.

Berasaskan athar ini maka imam al-Syafi'e menyebut[15]

منزلة الوالي من الرعية منزلة الولي من اليتيم

Bermaksud, *bandingan pemerintah terhadap rakyatnya adalah seperti kedudukan wali terhadap anak yatim*.

Jelasnya, seorang pemerintah berhak untuk meletakkan apa-apa polisi atau peraturan yang dilihat olehnya akan memberi manfaat kepada umat Islam secara keseluruhan. Berasaskan kepada athar di atas akhirnya para fuqaha' menggariskan satu kaedah fiqh yang masyhur dan sering digunakan dalam konteks siasah dan urus tadbir iaitu:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Bermaksud: *Polisi dan tindakan pemerintah mestilah tertakluk kepada maslahah terhadap rakyat*.

Kesimpulan dari perbincangan di atas maka pelaburan dengan menggunakan dana 'Am adalah diharuskan apabila menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang dan menepati hukum syarak.

---

13 Bensaid, Benaouda, Aouidad Rachid (2013) Jurnal Fiqh. Vol 10.

14 Al-Sayuti: (t.t) al-Asybah wa al-Nazair Fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyyah. Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm 121.

15 Al-Nadawy, Ali (1994) al-Qawaid alk-Fiqhiyyah. Damsyiq: Dar al-Qalam.

Hukum pelaburan dari dana Zakat

Muhammad Uthman Syubayr mendefinisikan pelaburan harta zakat sebagai[16]

العمل على تنمية أموال الزكاة لأي أجل، وبأية طريقة من طرق التنمية المشروعة لتحقيق منافع للمستحقين

Bermaksud: *Satu bentuk usaha bagi mengembangkan harta zakat untuk apa-apa tempoh dan dalam apa-apa cara pengembangan harta yang sah untuk mencapai manfaat kepada mereka yang berhak*.

Berdasarkan kepada definisi di atas ada dua elemen utama yang membezakan pelaburan dana zakat dan pelaburan biasa, iaitu faktor modal dan hak milik keuntungan. Dalam pelaburan biasa modal adalah hak milik individu atau organisasi tertentu tetapi dalam pelaburan zakat, modal adalah wang zakat. Manakala dari aspek keuntungan pula, jika dalam pelaburan biasa ia menjadi milik pelabur yang mengeluarkan modal sementara keuntungan pelaburan zakat adalah hak milik asnaf atau mereka yang berhak menerima zakat.

Pelaburan dana zakat boleh berlaku dalam tiga keadaan.

1. Pelaburan wang zakat oleh asnaf setelah menerimanya.
2. Pelaburan wang zakat oleh pembayar zakat sebelum mengeluarkan zakat.
3. Pelaburan wang zakat oleh pemerintah atau wakilnya (pusat zakat).

Pelaburan Wang Zakat Oleh Asnaf Setelah Menerimanya.

Dalam konteks ini Para ulama bersependapat bahawa wang zakat yang diterima oleh asnaf telah menjadi hak milik mereka secara sempurna. Lantas mereka berhak ke atas harta tersebut sepenuhnya sama ada untuk dilaburkan atau disedekahkan dan sebagainya. Imam al-Nawawy menyebut dalam kitab al-Majmu'[17] '*Dibolehkan bagi orang yang berhutang*

[16] Abdul Bary Awang (2011) Jurnal al-Tajdid. Vol. 15. Jil 29

[17] Al-Nawawy, Abu Zakariyyan Mahyuddin b. Syaraf (t,t) Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab Beirut: Dar al-Fikr.

untuk memperdagangkan apa yang dia terima dari bahagian zakat jika dia tidak menunaikan hutangnya, dengan tujuan untuk mengembangkan hartanya dan melunasi kadar hutang tersebut'.

Pelaburan Wang Zakat Oleh Pembayar Sebelum Membayar Zakat.

Situasi ini berlaku apabila pembayar zakat melaburkan wangnya yang akan dikeluarkan untuk zakat sebelum dia mengeluarkan zakat. Tidak kira sama ada keuntungan dari pelaburan itu akan dimasukkan ke dalam akaun penerima zakat atau sebaliknya.

Pokok persoalan dalam isu ini ialah sama ada kewajipan zakat perlu dilaksanakan secara segera atau boleh tertangguh. Secara mudahnya ulama berbeza kepada dua pandangan. Pertama pandangan ialah pandangan jumhur ulama yang terdiri dari imam Abu Hanifah, Imam Abu Yusuf dan imam Muhammad dari mazhab Hanafi, mazhab Maliki, Mazhab Syafi'ie dan Mazhab Hanbali berpandangan kewajipan berzakat perlu segera (*al-fawr*) apabila telah wajib. Manakala pandangan kedua iaitu sebahagian ulama mazhab Hanafi menyatakan bahawa zakat ialah kewajipan tertangguh (*tarakhiy*).

Pada pandangan penyelidik, kewajipan berzakat adalah dengan kadar segera (*al-fawr*) apabila telah wajib. Ini berdasarkan beberapa dalil yang telah di bincangkan oleh para ulama yang mana tidak perlu dibincangkan disini. Juga berdasarkan firman Allah SWT. dalam surah al-An'am: 141.

وَءَاتُواْ حَقَّهُۥ يَوۡمَ حَصَادِهِۦۖ

Bermaksud: *dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya*

Justeru, melaburkan wang zakat sebelum mengeluarkannya adalah haram. Ini kerana perbuatan tersebut telah menyebabkan penangguhan pembayaran zakat kepada penerimanya yang berhak setelah zakat itu diwajibkan. Ini merupakan satu kezaliman. Malah menurut Abdul Malik Abdur Rahman Sa'dy (2017), pelaburan itu tidak dikira sebagai melabur dana zakat kerana harta itu belum dizakatkan atau belum diserahkan kepada mereka yang berhak dan ia masih berada di tangan pemiliknya.

Walaupun pada asasnya hukum menangguhkan pembayaran zakat adalah haram tetapi dalam keadaan tertentu sebahagian ulama berpandangan ia dibenarkan dalam situasi tertentu seperti berikut[18]:

1. Sekiranya mendatangkan kemudaratan kepada pemilik harta jika menyegerakan pembayaran zakat.
2. Melewatkan pengeluaran zakat kerana sesuatu maslahat sebagai contoh menunggu kepulangan jiran yang berhak menerima zakat. Walaupun begitu tempoh kelewatan itu hendaklah singkat.
3. Apabila pemilik zakat berasa ragu kedudukan penerima zakat sama ada boleh menerima zakat atau tidak. Pemilik zakat boleh menangguhkan pengeluaran zakat sehinggalah ia meneliti terlebuh dahulu.
4. Apabila seseorang tidak boleh menyegerakan zakatnya. Contoh, hartanya hilang atau penerima zakat tidak hadir.

Pelaburan Wang Zakat Oleh Pemerintah Atau Wakilnya (Pusat Zakat):

Isu ini adalah teras perbincangan bagi kajian ini. Secara umumnya ulama berbeza pandangan kepada dua kumpulan iaitu pertama yang mengharuskan dan yang kedua tidak mengharuskan. Namun secara tafsilnya terbahagi kepada lima pandangan iaitu:

1. Tidak mengharuskannya secara mutlak.
2. Mengharuskannya secara mutlak.
3. Mengharuskan dalam keadaan tertentu. (Dr. Yusuf al-Qaradhawy)
4. Mengharuskannya secara bersyarat. (Muhammad Abdul Latif Farfur)
5. Mengharuskannya hanya dari peruntukan fi Sabilillah. (Dr. Wahbat al-Zuhayli)

Untuk memudahkan perbincangan pengkaji memfokuskan perbincangan kepada dua pandangan asas yang utama, iaitu golongan yang mengharuskan dan tidak mengharuskan.

<u>Pendapat pertama</u>

Berpendapat bahawa hukum pelaburan wang zakat oleh pemerintah atau pusat zakat adalah haram atau **tidak diharuskan**. Pandangan ini di dokong oleh Keputusan Majma' Fiqh al-Islamy (Rabitah 'Alam al-Islamy) yang ke 15 bersamaan 31-10-1998 dan

[18] Fauzan Salih (2005) Ithtismar Amwal al-Zakah. Riyadh: Kuniz Ishbiliyyah

beberapa fuqaha' muta'akkhirin seperti Sheikh Adam Sheikh Abdullah Ali, sheikh Abu Bakr Zaid, sheikh Taqiyuddin Uthmany[19], Abdul Malik b. Abdul Rahman Sa'dy[20]

Golongan ini berhujah bahawa:

1. Pelaburan menggunakan dana zakat menyalahi nas al-Quran serta hadis nabi SAW yang menghadkan penerima zakat kepada 8 golongan sahaja[21].
2. Zakat wajib dikeluarkan kepada mereka yang berhak dengan segera. Pelaburan mengambil masa untuk meraih keuntungan. Ini akan melambatkan proses pengagihan dan bercanggah dengan hukum syarak.
3. Ia terdedah kepada risiko kerugian dan akan memberi kesan kepada hilangnya sebahagian atau keseluruhan hak agihan mereka.
4. Memerlukan kos pengurusan yang tinggi dan setiap asnaf terpaksa menanggung kos pentadbirannya.
5. Menghilangkan hak pemilikan individu golongan asnaf terhadap harta tersebut.
6. Pusat zakat atau baitulmal hanyalah merupakan pemegang amanah. Mereka tidak mempunyai hak untuk membelanjakan harta zakat atau melaburkannya.

<u>Pendapat kedua</u>

Hukum pelaburan wang zakat oleh pusat zakat adalah harus. Pendapat ini dipersetujui oleh Majma' Fiqh al-Islamy hasil muktamar kali ke-3 (1986), Nadwah kali ke-3 Isu-isu semasa berkaitan zakat yang dianjurkan oleh oleh Bait al-Zakah Kuwait, Lajnah Fatwa Kementerian Waqaf Kuwait dan di dokong oleh beberapa fuqaha' semasa seperti Dr. Wahbah al-Zuhayliyy, Dr. 'Abd Allah Nasih Syeikh Mustafa Zarqa, Dr. Yusuf al-Qaradhawiyy, Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, Dr. 'Abd al-Aziz Khayyat, Dr. 'Abd Allah Amin dan Dr. Muhammad Faruq al-Nubhan, Muhammad Abdul Latif Farfur, Dr. Uthman Syubair dan lain-lain[22]

Pandangan yang kedua ini terdiri daripada beberapa kategori. Ada yang mengharuskannya secara mutlak, ada yang mengharuskannya dalam keadaan tertentu (Dr Yusof al-Qaradhawy), ada yang mengharuskannya secara bersyarat (Muhammad Abdul Latif

19 Bensaid et. al (2013) رؤية أصولية لمسألة الاستثمارأموال الزكاة. Jurnal Fiqh. No 10. Ms 119-148.

20 Sa'dy, Abdul Malik Abdul Rahman (2017) فقه الزكاة ومستجداتها المعاصر. Amman: Dar al-Fath. Hal. 93.

21 Azman Abdul Rahman & Irwan Mohd Sobri (2014).

22 Bensaid et al (2013).

Farfur) dan ada yang berpendapat hanya boleh diambil dari peruntukan fi sabilillah (Dr. Wahbah Zuhayly).

Hujahnya:

1. Sabit melalui hadis bahawa Rasulullah SAW pernah mengkhususkan satu tempat yang khas untuk menternak unta yang telah di zakatkan (hadis *'Uraniyyin* dan hadis *wasam al-Ibil al sadaqah*). Ia memberi justifikasi bahawa Rasulullah SAW tidak mengagihkan binatang zakat secara segera. Justeru, sebahagian ulama mentafsirkan perbuatan Rasulullah SAW ini sebagai satu langkah untuk menambahkan hasil zakat sebelum ia diagihkan kepada penerimanya[23]. Tidak wujud kontradiksi antara pandangan jumhur ulama yang mewajibkan pengagihan zakat dilakukan secara segera dengan hadis ini. Ini kerana kewajipan agihan segera itu adalah hukum asal oleh pemilik harta kepada penerima zakat, namun apabila harta zakat telah di serahkan kepada imam atau pemerintah maka pemerintah boleh melewatkan pengagihan berdasarkan kemaslahatan. Ini sesuai dengan kaedah fikah yang menyebut تصرف الإمام بالرعية منوط بالمصلحة.
2. Mewujudkan ladang unta zakat ini juga di lakukan oleh Khulafa al-Rasyidin. Saidina Umar menyediakan ladang ternakan zakat di tempat bernama Rabzah sementara Saidina Uthman pula di tempat bernama Sarif.[24] Kewujudan ladang ini di tafsirkan oleh sebahagian ulama sebagai ciri-ciri pelaburan iaitu untuk tujuan pembiakan dan perahan susu.
3. Hadis daripada Urwah al-Bariqy, Rasulullah SAW mewakilkan kepadanya untuk membeli seekor kambing dengan nilai 1 Dinar, lalu belia membeli 2 ekor kambing dengan harga tersebut. Kemudian dia menjual sekor daripadanya dengan harga 1 Dinar dan membawa pulang kepada Rasulullah SAW 1 Dinar dan seekor kambing[25]. Dr. Uthman Syubayr[26] telah menggunakan hadis ini sebagai dalil harus melaburkan harta zakat. Hadis di atas menunjukkan bahawa Urwah al-Bariqy telah melaburkan harta Rasulullah SAW tanpa meminta izin kepada baginda terlebih dahulu dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang lebih dan kemudian di pulangkan kepada Rasulullah SAW. Ini bermaksud harus melaburkan harta milik

---

23 Bensaid et al (2013).

24 Umar b. Syabah (1399H) Tarikh al-Madinah Li Ibn Syabah. Tahqiq Fuhaim Muhammad Syaltut. T.tpt.

25 Ibn Majah, Abu Abdullah Muham Yazid al-Qazwiny (t.t) Sunan Ibn Majah. Cairo: Dar Ihya' Kutub al-Arabiyyah

26 Bensaid et. al (2013)

orang lain tanpa meminta izin pemiliknya jika ia bertujuan untuk lebih menguntungkan. Maka secara qiasnya seorang pemerintah boleh melaburkan harta penerima zakat tanpa izin mereka adalah lebih awla.

4. Sebahagian ulama meluaskan pengertian asnaf fi sabilillah kepada semua bentuk kebajikan dan perkhidmatan yang membawa maslahah kepada muslimin seperti membina kubu pertahanan, membina masjid, kilang dan sebagainya yang membawa pulangan faedah kepada seluruh umat Islam. Justeru pelaburan yang mendatangkan faedah jangka masa panjang kepada kemaslahatan para asnaf juga adalah diharuskan[27].
5. Terdapat juga pandangan yang membolehkan pemimpin menggunakan dana zakat untuk menghadapi perkara darurat seperti membiayai peperangan fi sabilillah. Imam al-Nawawy menyebut *"seorang imam (pemerintah) boleh memilih sama ada untuk menyerahkan zakat dalam bentuk kuda atau alatan perang (senjata) kepada para tentera, atau memberikan nilaian kepada barangan tersebut sebagai pemilikan mereka, atau boleh juga kuda-kuda itu dibeli dari wang zakat dan diberi pinjam kepada para tentera atau membeli kuda-kuda dan alatan perang kesemuanya dan diwaqafkan kepada fi sabilillah"*[28]. Darurat ini bergantung kepada sejauh mana banyak harta yang ada. Oleh itu, menghapuskan kemiskinan dan kejahilan masyarakat juga adalah sesuatu yang mendesak. Pelaburan dilihat sebagai menjamin kemaslahatan asnaf dalam jangka masa panjang.
6. Berqiyaskan kepada keharusan wali melaburkan hak milik anak yatim secara wasiat. Pemerintah juga harus melaburkan bahagian asnaf terlebih dahulu sebelum diagihkan untuk menggandakan jumlah agihan.
7. Pandangan ini juga bersumberkan kepada dalil istihsan bagi mazhab yang beramal dengan istihsan. Sekalipun pada asalnya hukum pelaburan dana zakat tidak diharuskan tetapi oleh sebab ia sangat di perlukan maka ia diharuskan.

Pendapat yang terpilih

Pengkaji melihat ada tiga isu fikah yang utama di bangkitkan dalam membuat keputusan ini di samping isu-isu sampingan yang lain iaitu,

---

27 Abdul Aziz Faraj Muhammad Musa (2017) Jurnal al-Amnu wa al-Qanun. Tahun ke 25. Bil. Ke 2.

28 Al-Nawawy, Abu Zakariyya Mahyuddin (t.t) al-Majmu' Syar hal-Muhazzab. Jil. 6. Hlm 213

i. Sama ada zakat wajib di keluarkan dengan kadar segera atau *tarakhi* (boleh ditangguhkan) kepada penerimanya apabila telah tiba masa wajibnya.
ii. Sama ada imam atau pemerintah atau wakilnya berbidang kuasa menguruskan harta zakat mengikut kemaslahatan budi bicara atau ia semata-mata pemegang amanah harta zakat.
iii. Sama ada harta zakat adalah hak pemilikan (*li al-Tamlik*) kepada kesemua para penerima zakat (asnaf zakat) atau sebahagian daripada mereka sahaja

Persoalan pertama:

Dalam isu pertama, Jumhur ulama berpendapat bahawa harta zakat terbahagi kepada dua bentuk iaitu:

1. Harta zahir iaitu harta yang tidak mungkin ditutup dari pengetahuan atau pandangan orang ramai seperti tanam tanaman atau binatang ternakan.
2. Harta batin iaitu harta yang boleh ditutup dari pengetahuan orang ramai atau pandangan mereka seperti emas, perak, wang dan barang dagangan[29].

Para fuqaha berbeza pandangan sama ada harta zakat boleh diserahkan terus kepada asnaf atau perlu melalui pemerintah. Dalam konteks harta zahir, jumhur ulama kecuali mazhab Syafi'ie berpandangan mesti diserahkan kepada pemerintah manakala harta batin jumhur ulama berpandangan pemilik harta boleh menyerahkannya secara terus kepada penerima yang berhak. Namun pengkaji tidak mahu membincangkan persoalan ini dengan panjang lebar kerana ia bukan perkara pokok perbincangan ini. Apa yang ingin di jelaskan ialah tiga perkara. Pertama, pemilik harta boleh mengeluarkan zakat dan diberikan terus kepada asnaf atau penerima zakat. Kedua, pemerintah juga berhak menerima harta zakat untuk diagihkan kepada mereka yang berhak. Ketiga, apabila seseorang telah menyerahkan harta zakatnya kepada pemerintah maka ia telah melaksanakan tanggungjawabnya menunaikan zakat.

pengkaji bersetuju dan bersependapat dengan pandangan jumhur ulama yang mengatakan bahawa zakat wajib dikeluarkan dengan segera apabila telah cukup syarat-syarat yang ditetapkan. Kewajipan segera ini dapat disimpulkan dari dalil-dalil yang banyak sama ada

[29] Al-Bujayrami al-Syafi'ie (1950) Hasyiah al-Bujayrami. Cairo: Matba'ah al-Halaby

dalil secara langsung mahupun tidak langsung, bahkan agihan segera menepati maqasid syariah untuk membantu golongan penerima zakat. Malah, mazhab Syafi'ie yang berpandangan bahawa الأمر المطلق لا يقتضي الفور sekalipun,[30] turut berpandangan bahawa zakat wajib dikeluarkan dengan segera[31]. Ia juga sabit melalui hadis nabi SAW:

عَنْ عُقْبَةَ قَالَ: صَلَّيْتُ وَرَاءَ النَّبِيِّ – صلى الله عليه وسلم – بِالْمَدِينَةِ الْعَصْرَ، فَسَلَّمَ ثُمَّ قَامَ مُسْرِعًا، فَتَخَطَّى رِقَابَ النَّاسِ إِلَى بَعْضِ حُجَرِ نِسَائِهِ، فَفَزِعَ النَّاسُ مِنْ سُرْعَتِهِ، فَخَرَجَ عَلَيْهِمْ، فَرَأَى أَنَّهُمْ عَجِبُوا مِنْ سُرْعَتِهِ فَقَالَ: ذَكَرْتُ شَيْئًا مِنْ تِبْرٍ عِنْدَنَا، فَكَرِهْتُ أَنْ يَحْبِسَنِي، فَأَمَرْتُ بِقِسْمَتِهِ"

Yang bermaksud: *Daripada 'Uqbah, beliau berkata: Aku sembahyang Asar di belakang nabi SAW di Madinah. Setelah nabi SAW memberi salam baginda terus bangun dan melangkahi bahu-bahu makmum menuju ke beberapa rumah isteri baginda. Para sahabat terpinga-pinga. Setelah itu Rasulullah SAW keluar menemui sahabat dan melihat mereka semua hairan dengan perbuatan Rasulullah SAW yang tergesa-gesa itu. Lalu baginda bersabda "aku teringat (dalam solatku) ada ketulan emas di rumah (yang perlu dikeluarkan zakat), maka aku tidak mahu ia (zakat) akan menahan (melambatkan) aku dari masuk syurga maka aku perintahkan agar ia cepat diagihkan kepada penerimanya*.

Hadis di atas menjelaskan bahawa pemilik harta wajib mengeluarkan zakat dengan segera. Kelewatan membayar zakat menyebabkan kelewatan seseorang masuk ke dalam syurga. Namun, apabila seseorang telah mengeluarkan zakat kepada pemerintah ia sebenarnya telah melaksanakan kewajipan mengeluarkan zakat sama seperti ia telah mengeluarkan zakat kepada para asnaf. Peranan pemerintah ialah menyalurkan zakat ini kepada mereka yang berhak. Dalam perbincangan pandangan mazhab yang lalu. Dalil jelas menunjukkan bahawa pemerintah boleh melewatkan agihan zakat jika wujud maslahat untuk berbuat demikian. Justeru, Dalam konteks ini, pelaburan menggunakan dana zakat tidak bercanggah dengan pandangan kewajipan mengeluarkan zakat dengan segera.

[30] Al-maqdisy, Badr al-Din (2008) al-Tazkirah Fi Usul al-Fiqh. Riyadh, Tahqiq Syihabullah. : Maktabah al-Rushd.

[31] Al-Khatib al-Syurbiny, Syamsuddin. (1994) Mughny al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'any alfa zal-Minhaj. Cairo: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Al-Nawawy, al-Majmu' Syar hal-Muhazzab.

Persoalan kedua

Pandangan yang mengatakan pemerintah adalah pemegang amanah terhadap harta zakat sebelum diagihkan adalah kurang tepat. Ini kerana ia menerima zakat atas kapasitinya sebagai pemerintah yang memiliki 'wilayah 'ammah'. Ia mengambil peranan bagi kedua-dua belah pihak sama ada pengeluar zakat atau penerima zakat. Ia mengambil peranan sebagai orang kaya apabila mengeluarkan zakat kepada mereka yang berhak, dalam masa yang sama ia mengambil peranan sebagai orang miskin kerana menerima zakat dari orang kaya. Justeru ia tidak perlu kepada keizinan mana-mana pihak untuk *tasarruf* dana zakat selain mematuhi peraturan hukum syarak semata-mata.[32]

Berasaskan pandangan ini, sebahagian ulama mengharuskan pemerintah melakukan transaksi dana zakat apabila wujud keperluan. Ibn Qudamah menyebut "*apabila pengutip zakat menghadapi kesukaran untuk memindahkan harta zakat atau kerana binatang ternakan zakat itu jatuh sakit, maka dia boleh menjualnya sekiranya itu dilihat sebagai maslahah*"[33].

Walaupun demikian, keharusan ini bukan mutlak. Ia perlu bersyarat dan mengikut keadaan ketika itu seperti dalam darurat dan sangat memerlukan tindakan tersebut[34]. Dalam erti kata lain, pemerintah tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan *tasarruf* terhadap dana zakat kecuali setelah memenuhi syarat-syarat dan dhawabitnya[35] dengan memberi keutamaan menjaga keperluan golongan fakir, miskin, amil dan muallaf terlebih dahulu.

Persoalan ketiga:

Isu *Tamlik* (hak pemilikan) bermaksud penerima zakat berhak ke atas harta zakat tersebut sebagai pemilikan secara peribadi. Golongan yang tidak mengharuskan pelaburan mendakwa perbuatan melaburkan sebahagian harta zakat menafikan sifat *tamlik* kepada penerimanya. Pengkaji berpandangan, isu *tamlik* bukanlah suatu yang menjadi ijmak ulama, bahkan mereka berbeza pandangan kepada beberapa pendapat:

32 Saleh Muhammad Fawzan ( ) Hukm Istismar Amwal al-Zakah Wa Dhawabitahu al-Fiqhiyyah.
33 Ibn. Qudamah al-Maqdisy ((1405H) al-Mughny. Beirut: Dar al-Fikr.
34 Al-Qaradhawy
35 Majma' Fiqh kali ke-3.

1. Mazhab Hanafi yang berpendapat kelapan-lapan golongan asnaf zakat memiliki hak *tamlik*. Justeru dana zakat tidak boleh digunakan untuk membina masjid, pengairan, jambatan atau keperluan fi sabilillah[36].
2. Mazhab Syafi'ie dan Hanbali berpendapat tamlik hanya dikhususkan kepada empat golongan yang pertama sahaja kerana wujud '*lam al-tamlik'* sebelum menyebut nama-nama mereka. Berbeza dengan empat golongan terakhir yang di dahului dengan huruf "*fi al-zarfiyyah*" yang tidak membawa makna *tamlik*[37].
3. Mazhab Maliki berpendapat empat golongan terawal dan ditambah ibn Sabil.
4. Imam al-Syawkani[38] berpandangan bahawa '*lam*' dalam ayat ini tidak membawa maksud '*li tamlik*" semata-mata, ia juga boleh membawa maksud '*li takhsis*'. Ini bermaksud, orang yang berhak menerima zakat hanyalah terkhusus kepada lapan golongan yang disebutkan sahaja. Pandangan ini disokong oleh imam Abu al-A'la al-Mawdudy, sheikh Muhammad Abu Zahrah, Sheikh Mustafa Zarqa' dan ia juga pandangan Dar al- Ifta' al-Misriyyah.
5. Terdapat juga ulama semasa yang mentafsir pemilikan itu juga meliputi pemilikan *jama'ie*[39]. Pemilikan *jama'ie* bermaksud manfaat dari harta zakat itu menjadi milik para asnaf secara kolektif.

Justeru, pandangan 'pemilikan' ini hanya terpakai kepada mereka yang berpandangan demikian. Bagi mereka yang berpandangan *tamlik* hanya kepada empat golongan terawal maka ia harus berpegang dengan pandangan itu, bahkan bagi mereka yang berpendapat memadai dengan pemilikan *jama'ie* maka pandangannya lebih terbuka.

---

36 Abdullah b Mahmud (1937) al-Ikhtiar Li Ta'li al-Mukhtar. Cairo: Matba'ah al-Halaby

37 Abu al-Baqa' al-Syafiie (2004) al-Najm al-Wahhaj Fi Syar hal-Minhaj. Jeddah: Dar al-Minhaj.

38 Al-Syawkani al-Yamany (t.t.) al-Sail al Jirar al-Mutadaffiq 'Ala Hadaiq al-Azhar. Beirut: Dar Ibn Hazm

39 Ahmadullah al-Bukhary (2020)
https://albasulislami.com/%D8%A7%D8%B3%D8%AA%D8%AB%D9%85%D8%A7%D8%B1-%D8%A3%D9%85%D9%88%D8%A7%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B2%D9%83%D8%A7%D8%A9-%D8%AF%D8%B1%D8%A7%D8%B3%D8%A9-%D8%AA%D8%AD%D9%84%D9%8A%D9%84%D9%8A%D8%A9/

Keputusan mesyuarat fatwa negeri-negeri bagi garis panduan pelaburan wang zakat.

Negeri Melaka, 2009 (Status pewartaan: Diwartakan)

Menetapkan bahawa pada dasarnya harta zakat tidak harus dilaburkan. Bagaimanapun, sekiranya agihan zakat telah dibuat dengan sempurna kepada semua *asnaf* yang berhak memilikinya, lalu didapati masih ada lebihan, maka adalah harus harta zakat tersebut dilaburkan atas *maslahah 'ammah* tetapi hendaklah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut :

1. Majlis Agama Islam Melaka dapat memberi jaminan bertulis bahawa harta asal zakat yang dilaburkan adalah tetap harta zakat dan begitu juga keuntungannya hendaklah dikembalikan kepada akaun zakat untuk dibelanjakan kepada *asnaf* yang berhak setelah ditolak kos pengurusan yang munasabah;
2. Ada jaminan bertulis bahawa Majlis Agama Islam Melaka bersedia untuk membayar balik kesemua jumlah harta zakat yang dilaburkan itu kepada akaun zakat jika berlaku kerugian dalam pelaburan;
3. Ada jaminan bertulis bahawa harta zakat yang dijadikan modal pelaburan itu boleh dicairkan pada bila-bila masa apabila ada keperluan mendadak di mana harta zakat itu perlu diagihkan;
4. Pelaburan tersebut hendaklah dilakukan dengan teratur dan ianya mestilah berlandaskan syariat;
5. Hendaklah dibuat kajian terperinci berkenaan dengan satu-satu pelaburan yang hendak diusahakan menggunakan harta zakat dan perlu dipastikan ianya terjamin selamat;
6. Hendaklah mendapatkan kebenaran atau kelulusan daripada mesyuarat Majlis Agama Islam Melaka bagi memastikan dasar-dasar syariat terpelihara ; dan
7. Pelaburan tersebut hendaklah dikendalikan oleh satu badan ataupun jawatankuasa khas yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dan bersifat amanah.

Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, 2012 (Status pewartaan: Tidak diwartakan)

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke 21 pada 9 Zulkaedah 1433H/ 25 September 2012M sebulat suara menerima sighah keputusan seperti berikut: Pelaburan harta zakat adalah diharuskan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-

1. Masih ada lebihan setelah agihan zakat dibuat dengan sempurna kepada semua asnaf yang berhak memilikinya;
2. Pelaburan wang zakat hendaklah menepati prinsip syarak;
3. Keputusan untuk melaburkan wang zakat hendaklah dilakukan oleh pihak yang diizinkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat dengan mendapat persetujuan Majlis Islam Sarawak setelah dirujuk kepada Mufti;
4. Pelaburan tersebut hendaklah dikendalikan oleh satu badan ataupun jawatankuasa khas yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dan mempunyai kepakaran dalam bidang agama serta bersifat amanah;
5. Penyelidikan terperinci hendaklah dijalankan sebelum wang zakat dilaburkan dalam sesuatu projek;
6. Pulangan yang didapati daripada pelaburan wang zakat hendaklah dikembalikan kepada akaun zakat;
7. Tidak berlaku keadaan mendesak yang memerlukan wang zakat diagihkan dengan segera kepada golongan asnaf;
8. Modal pelaburan wang zakat mudah dicairkan jika diperlukan untuk diagihkan kepada golongan asnaf;
9. Pelaburan wang zakat itu selamat dan memberi pulangan atau keuntungan yang hakiki;
10. Sebarang kerugian yang berlaku akibat pelaburan tersebut hendaklah dibayar balik kesemua jumlah harta zakat yang dilaburkan itu kepada akaun zakat demi menjamin hak asnaf oleh Majlis Islam Sarawak.

Negeri Perlis, 2015 (Status pewartaan: Tidak diwartakan)

Hukum asal pelaburan zakat adalah tidak diharuskan. Bagaimanapun, sekiranya agihan zakat telah dibuat dengan sebaiknya kepada semua *asnaf* yang berhak memilikinya, dan didapati masih ada lebihan, maka adalah harus harta zakat tersebut dilaburkan atas *maslahah* yang kembali kepada asnaf zakat dengan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

1. Pelaburan hendaklah yang disahkan patuh syari'ah oleh badan pengawasan syari'ah yang berotoriti.
2. Pelaburan hendaklah berisiko rendah dan sederhana dari institusi kewangan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa.
3. Pelaburan berisiko tinggi boleh dibuat dengan mendapat jaminan khas dari pihak yang berotoriti serta distruktur secara patuh syari'ah.
4. MAIPs merupakan pihak yang melulus dan menjamin setiap pelaburan.

Wilayah Persekutuan, 2014 (Status pewartaan: tidak diwartakan)

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-86 pada 18 Julai 2014 memutuskan bahawa wang zakat boleh digunakan bagi pelaburan jangka pendek.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ulama dan dalil yang dikeluarkan, pengkaji berpandangan, pendapat kedua yang mengharuskan pelaburan wang zakat dilihat lebih kuat, rajih dan mendatangkan lebih manfaat kepada penerima zakat. Keharusan ini juga sesuai dengan transformasi agihan zakat yang ingin dilakukan oleh pusat zakat kerana melihat pemberian bantuan wang kepada asnaf dilihat kurang memberi kesan untuk membasmi kemiskinan. Namun begitu sebarang aktiviti pelaburan perlulah dikaji dan diteliti terlebih dahulu mengikut garis panduan yang ditetapkan syarak.

Sehubungan itu **pengkaji mencadangkan pelaburan menggunakan dana zakat di bawah Kumpulan Wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak diharuskan dengan mematuhi syarat-syarat dan garis panduan yang di cadangkan iaitu**:

1. Pelaburan boleh dilakukan sekiranya ada lebihan dari agihan zakat yang sepatutnya dibuat pada tahun itu khususnya kepada empat golongan asnaf teratas.
2. Memberi keutamaan kepada keperluan kepada para asnaf yang memerlukan perbelanjaan segera seperti bantuan makanan dan pakaian.
3. Perlu mendapat keizinan/kelulusan bertulis dari mereka yang berhak memberi keizinan dan kelulusan tersebut.

4. Perlu ada kajian yang mendalam oleh mereka yang berkelayakan sebelum suatu keputusan pelaburan diputuskan. Jika kebarangkalian keuntungan tinggi maka barulah pelaburan boleh dilakukan.
5. Pihak pelabur mestilah memastikan bahawa pelaburan tersebut memenuhi kriteria maslahat hakiki yang jelas dan rajih.
6. Skop pelaburan hendaklah menepati hukum syarak, iaitu melabur di dalam sektor-sektor patuh syariah.
7. Pengendalian pelaburan perlulah dilakukan dengan teliti bagi menjamin wang pokok dan keuntungan sentiasa terpelihara.
8. Sumber pelaburan hendaklah diambil dari bahagian asnaf fi sabilillah.
9. Wang pokok dan keuntungan pelaburan mestilah dipulangkan keseluruhannya kepada asnaf zakat.
10. Pengendali pelaburan hendaklah dari kalangan mereka yang bersifat amanah dan berintegriti.
11. Oleh sebab tujuan utama zakat ialah untuk memenuhi keperluan segera para asnaf, maka tempoh pelaburan tidak boleh mengambil masa yang lama (1-2 tahun sahaja), atau ia perlu dilaburkan ke sektor dimana wang pokok mudah dicairkan.
12. Setiap pelaburan yang dijalankan perlulah dijamin oleh pihak Majlis. Jika berlaku kerugian, pihak penjamin perlu mengembalikan nilai pokok wang pelaburan ke bahagian dari mana ia diambil.

OBJEKTIF 3: HUKUM PELABURAN EMAS MENGGUNAKAN DANA ZAKAT DAN SUMBER AM

Pelaburan emas semakin popular dalam kalangan masyarakat kebelakangan ini. Ini mungkin disebabkan oleh kerana ia memiliki nilai intrinsik yang stabil malah terus meningkat dari masa ke semasa di samping tidak mengalami susut nilai yang melampau.

Emas adalah barangan ribawy. Justeru itu, transaksi barangan ini perlu memenuhi syarat-syarat tertentu. Sabda Rasulullah SAW berhubung transaksi barangan ribawy:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ وَلَا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ وَلَا الْبُرَّ بِالْبُرِّ وَلَا الشَّعِيرَ بِالشَّعِيرِ وَلَا التَّمْرَ بِالتَّمْرِ وَلَا الْمِلْحَ بِالْمِلْحِ إِلَّا سَوَاءً بِسَوَاءٍ عَيْنًا بِعَيْنٍ يَدًا بِيَدٍ وَلَكِنْ بِيعُوا الذَّهَبَ بِالْوَرِقِ وَالْوَرِقَ بِالذَّهَبِ وَالْبُرَّ بِالشَّعِيرِ وَالشَّعِيرَ بِالْبُرِّ وَالتَّمْرَ بِالْمِلْحِ وَالْمِلْحَ بِالتَّمْرِ يَدًا بِيَدٍ كَيْفَ شِئْتُمْ

Maksudnya: *Daripada Ubadah b. Samit bahawa nabi SAW bersabda: "jangan kamu berjual beli emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam melainkan ia mestilah sama (sukatan/timbangan) dan berlaku secara langsung (lani). Sebaliknya dibolehkan kamu berjual beli emas dengan perak, perak dengan emas, gandum dengan barli, barli dengan gandum, tamar dengan garam, garam dengan tamar secara langsung (lani) mengikut kehendak sesuka hatimu (dari aspek timbangan/sukatannya).*

Jelasnya, melalui hadis di atas, jika transaksi barangan ribawy yang mempunyai *illat* dan jenis yang sama maka terdapat tiga syarat[40] tambahan selain syarat jual beli umum bagi barangan biasa, iaitu:

1. Jual beli secara tunai (urusniaga lani)
2. Nilai tukaran sama ada sukatan atau timbangan mestilah sama banyak (*mumathalah*).
3. Perlulah wujud *taqabudh*. Iaitu barangan dan bayaran perlu saling berserahan pada majlis yang sama.

Manakala jika transaksi barangan ribawy dari *illat* yang berbeza maka tetapi dari jenis yang sama seperti emas dan perak terdapat hanya satu syarat tambahan iaitu transaksi jual beli tersebut perlu berlaku secara langsung (lani) dan wujud *taqabudh* pada satu majlis yang sama. Dalam keadaan ini tidak disyaratkan *mumathalah*.

Sebaliknya jika urusniaga barangan ribawy itu dari illat yang berbeza seperti emas dan gandum maka ia tidak tertakluk kepada syarat urusniaga barangan ribawy. Ini bermakna pihak penjual dan pembeli boleh meletakkan apa jua harga dan dibenarkan berhutang.[41]

---

40 Al-Khatib al-Syirbiny (2006) Mughny al-Muhtaj Ila ma'rifat Ma'any alfaz al-minhaj. Caori: Dar al-Hadith.Jil. 2 hlm 445.

41 Al-Zuhayli, Muhammad (2011) al-Mu'tamadFi al-Fiqh al-Syafi'ie. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 3 hlm, 113

Dalam konteks pelaburan emas pada hari ini, transaksi perniagaan adalah dari kategori *illat* yang sama tetapi dari bentuk yang berbeza iaitu antara mata wang dan emas. Justeru syarat tambahan yang perlu ada pada urusniaga ini ialah ia perlu berlaku secara langsung (lani) dan perlu kepada *taqabudh*.

Bentuk pelaburan emas di Malaysia

Secara umumnya kaedah pelaburan emas yang dijalankan di Malaysia berlaku dalam tiga keadaan.

1. **Urusniaga emas fizikal**. Iaitu jual beli emas secara fizikal dari pihak penjual. Dalam konteks ini emas boleh dibeli dalam bentuk syiling emas, jongkong emas atau barang perhiasan.
2. **Urusniaga simpanan emas**. Dalam konteks ini, pihak bank atau mana-mana institusi perniagaan menawarkan kepada pelabur emas untuk membeli emas. Emas yang dibeli akan disimpan oleh institusi ini atau diserahkan kepada pemiliknya dan boleh menjualnya semula kepada pihak institusi atau pihak lain. Pelabur boleh mendapat keuntungan daripada selisih harga beli dan jual tanpa perlu menyimpan emas secara fizikal.
3. **Urusniaga emas digital**. Emas digital ialah wang elektronik berasaskan emas. Pembelian emas digital lebih menguntungkan kerana ia dapat menjimatkan kos penyimpanan fizikal emas. Antara kelebihannya ialah ia boleh digunakan sebagai bayaran barangan atau perkhidmatan dimana-mana tempat. Bahkan mungkin lebih baik kerana ia bebas daripada kadar pertukaran mata wang. Namun perlu dipastikan sama ada emas fizikal boleh dikeluarkan dari akaun digital tersebut pada bila-bila masa.

Tiga bentuk perniagaan ini hakikatnya adalah sama, iaitu jual beli emas, disimpan dan dijual semula untuk mendapat pulangan harga yang lebih baik. Perbezaannya hanyalah dari aspek bagaimana emas itu diperniagakan yang meliputi kuantum dan medium jual beli serta kaedah penyimpanan emas tersebut. Pada akhir transaksi, pelabur emas boleh mendapatkan emas fizikalnya jika mereka mahu.

Isu yang berbangkit dalam pelaburan emas menggunakan dana zakat.

Sebagaimana yang kita ketahui, dana zakat adalah dana milik umat Islam yang telah ditentukan pemiliknya secara pasti melalui nas. Menjadi tanggungjawab pemerintah mengagihkan dana ini kepada penerima-penerima yang berhak sesuai dengan syarat-syarat yang telah di sebutkan oleh ulama. Justeru, antara isu-isu yang sering menjadi persoalan dalam pelaburan seperti ini ialah:

1. Pelaburan emas (transaksi jual beli) perlu berlaku secara tunai (lani).
2. Perlu wujud *taqabudh* antara pembeli dan penjual.
3. Tempoh pelaburan yang dibolehkan.

1. Isu tunai (cash)

Tunai (*cash*) dalam bahasa Arab ialah *al-Naqd. Al-Naqd* juga bermaksud duit atau mata wang. Justeru, jual beli tunai bermaksud jual beli dimana serahan wang berlaku dalam transaksi tersebut.[42] Dalam bahasa lain ia juga adalah jual beli langsung dan tidak bertangguh.

Walaubagaimanapun, kefahaman masyarakat terhadap maksud tunai ini berubah mengikut *uruf* dan perkembangan masa dan perbezaan tempat. Pada hari ini dengan kepesatan perkembangan sains dan teknologi telah banyak mengubah cara hidup kita termasuk memahami maksud tunai. Tunai pada hari ini difahami sebagai apa-apa medium transaksi ekonomi yang mudah di akses dan mudah ditukar kepada bentuk mata wang[43]. Jelasnya, apa-apa transaksi yang dianggap tunai oleh masyarakat pada satu-satu masa adalah dikira sebagai tunai sesuai dengan zamannya.

Pada hari ini belian tunai boleh berlaku dalam berbagai bentuk. Antaranya ialah:

1. Pembayaran secara tunai menggunakan wang.
2. Pembayaran secara cek yang diperakui.
3. Pembayaran secara cek peribadi.
4. Pembayaran secara kad debit.
5. Pembayaran secara kad kredit.

[42] Nazih Hammad (2014) Mu'jam Mustalahat al-Maliah wa al-Iqtisadiayyah fi Lughat al-Fuqaha'. Damsyoq: Dar al-Qalam.

[43] Investopedia. https://www.investopedia.com/terms/c/cash.asp

6. Pemindahan wang secara dalam talian (direct transfer/FPX)
7. Jompay.
8. eWallet

Jual beli barangan ribawy dari *illat* yang sama disyaratkan belian secara tunai (lani). Justeru, membeli emas dalam keadaan berhutang adalah riba yang diharamkan sama ada hutang sepenuhnya atau sebahagian darinya seperti membayar harga belian secara ansuran. Kelewatan penyerahan salah satu dari kedua-dua barangan (*al-Thaman wa al-muthman*) tergolong dalam kategori riba *al-Nasa'* atau riba *al-Yadd*.

Imam al-Rafi'ie menyebut:

ومن لازمه الحلول، أي غالبا ولابد من القبض الحقيقي، فلا تكفي الحوالة وإن حصل القبض بها في المجلس. ويكفي قبض الوكيل في القبض عن العاقدين أو أحدهما وهما في المجلس.

Bermaksud: *diantara syarat jual beli itu ialah ia mesti berlaku secara tunai. Iaitu kebiasaannya. Dan perlu wujud al-qabd al-haqiqy. Maka tidak memadai jika hanya berlaku secara hiwalah sekalipun ia berlaku dalam majlis yang sama. Memadai jika al-qabdh itu berlaku secara wakalah dari kedua-dua belah pihak atau salah satu pihak sahaja*.

2. <u>Perlu wujud *taqabudh*</u>

Al-Qabdh pada bahasa bermaksud memegang, menerima dan mengambil untuk dirinya. Dalam surah Ta Ha ayat 96 Allah SWT. berfirman:

قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُواْ بِهِۦ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ ٱلرَّسُولِ فَنَبَذْتُهَا وَكَذَٰلِكَ سَوَّلَتْ لِى نَفْسِى ﴿٩٦﴾

Bermaksud: *Dia menjawab: Aku mengetahui dan menyedari apa yang tidak diketahui oleh mereka, lalu aku mengambil segenggam dari kesan jejak Rasul itu, kemudian aku mencampakkannya dan demikianlah aku dihasut oleh hawa nafsuku*.

Dari sudut istilah, ulama silam tidak banyak yang menggali persoalan ini mungkin kerana ia suatu yang lumrah, mudah difahami dan transaksi yang memerlukan *al-Qabdh* tidak kompleks seperti sedia ada. Namun dengan perkembangan pesat transaksi

ekonomi hari ini definisi *al-Qabdh* perlu di buat. Dr. Sa'ud b Mus'ad al-Tsubaity mendefinisikannya sebagai[44]:

حيازة الشيء والتمكن منه سواء كان التمكن باليد، أو بعدم المانع من الاستيلاء عليه، وهو ما يسمى بالتخلية أو القبض الحكمي.

Bermaksud: *Memiliki sesuatu dan menguasainya sama ada dengan cara ia benar-benar memiliki barangan tersebut (berada dalam genggamannya) atau tiada halangan untuk ia menguasai barangan tersebut sepenuhnya. Keadaan ini juga di sebut sebagai al-takhliah (pelepasan hak oleh tuan punya supaya boleh dimiliki oleh orang lain) atau al-Qabdh al-hukmy.*

Berdasarkan kepada definisi ini terdapat dua bentuk *al-qabdh*. *Qabdh al-hakiki* iaitu penyerahan dan penerimaan secara tangan (secara langsung) dan *qabdh al-hukmy* iaitu penyerahan secara penguasaan (secara tidak langsung). Berdasarkan definisi ini sesuatu yang telah berada dalam penguasaan seseorang bermaksud ia telah memilikinya walaupun barangan tersebut belum sampai ke tangannya.

Kesemua bentuk pembayaran dalam contoh tunai di atas kecuali cek peribadi adalah tunai dan dianggap telah wujud al-*qabdh.* Ini kerana pihak penjual secara pasti telah menguasai wang bayaran sekalipun pada hakikatnya pihak penjual belum menerimanya secara fizikal[45]. Walaupun begitu, terdapat juga pandangan yang lebih ketat di mana dalam pembelian barangan ribawy ia memerlukan *qabdh al-hakiki.* Dalam konteks ini kaedah fiqh ada menyebut الخروج من الخلاف مستحب. Justeru, pihak pelabur, sedaya mungkin hendaklah mematuhi keperluan *qabdh al-hakiki* dalam pelaburan emas. Sekiranya tidak mampu barulah boleh beralih kepada *qabdh al-hukmy*. Penyerahan barang belian (emas) juga hendaklah berlaku secara penyerahan yang sama seperti di atas.

Majlis akad bermaksud masa dan tempat pertemuan dimana akad jual beli itu di meterai. Ia boleh berlaku secara fizikal atau maknawi. Contoh majlis akad secara maknawy ialah jual beli melalui alat telekomunikasi seperti talipon, online video, sistem internet yang tersedia untuk tujuan tersebut dan lain-lain. Seperti mana ia boleh

44 Majallat Majma' Fiqh al Islamy al-Dawly. Bil 6

45 Majma' Fiqh al-Islamy al-Dawly Bi;. 6

berlaku secara verbal antara dua pihak, ia juga boleh berlaku secara bertulis. Pemeteraian kontrak/akad berlaku mengikut uruf semasa. *Al-Qabdh* hendaklah berlaku sewaktu majlis akad ini.

3. <u>Tempoh pelaburan yang wajar</u>

Ada pelaburan yang memerlukan masa yang panjang untuk melihat keuntungan, manakala, ada yang memerlukan masa yang singkat. Pada kebiasaannya, pelaburan yang memerlukan masa yang panjang untuk untung mengandungi risiko yang rendah berbanding pelaburan yang memerlukan masa yang singkat.

Pelaburan emas pada kebiasaannya memerlukan masa yang panjang untuk untung iaitu antara 3-5 tahun. Ini kerana ia perlu menunggu kenaikan harga emas melebihi 10% dari harga ketika seorang pelabur membelinya. Ini bertujuan untuk menolak harga kos belian yang di tambah antara 6 - 9% dari harga pasaran ketika itu. Walaupun begitu, jika inginkan keuntungan segera melalui pelaburan singkat, maka ia perlu di beli dalam kuantiti yang besar[46].

Dalam isu ini ada dua perkara yang penting:

1. Tempoh masa pelaburan yang panjang.
2. Kuantiti pelaburan yang tinggi.

Kedua-dua keadaan di atas akan merugikan wang zakat dimana pelaburan dalam tempoh yang panjang dan kuantiti yang tinggi akan menyekat manfaat segera yang sepatutnya di terima oleh penerima zakat.

Kesimpulan:

Walaupun pada asasnya pelaburan emas menggunakan dana zakat adalah harus apabila telah menepati hukum tunai dan *taqabudh*, tetapi tempoh pelaburan yang panjang akan menyekat manfaat segera yang seharusnya di terima oleh penerima zakat. Perkara ini tidak seharusnya berlaku.

[46] Temubual bersama pegawai pemasaran Public Gold dan Quantum Metal.

KESIMPULAN.

Pada pandangan pengkaji, **Hukum Pelaburan Emas Menggunakan Dana Zakat atau Dana Sumber Am di bawah Kumpulan Wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak** adalah seperti berikut:

1. Pelaburan emas menggunakan Sumber ‘Am.

   Pelaburan emas menggunakan dana Sumber Am di bawah Kumpulan Wang Bait al-Mal Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak adalah diharuskan. Ini berasaskan kepada kaedah fikah yang menyebut تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة. Justeru sumber ‘Am adalah sebahagian dari perbendaharaan negara dan sultan atau pemerintah berhak membelanjakannya kepada perkara-perkara yang dilihat boleh mendatangkan maslahat kepada seluruh umat Islam, maka pelaburan emas dengan menggunakan dana ini diharuskan. Ini juga disebabkan kerana penerimanya tidak dihadkan kepada 8 golongan asnaf yang dinyatakan secara terperinci di dalam al-Quran. Walaupun begitu, pelaburan tersebut perlulah berpandukan kepada garis panduan pelaburan dana Zakat dan Sumber ‘Am yang telah dinyatakan sebelum ini.

2. Pelaburan emas menggunakan dana zakat.

   Oleh sebab pada lazimnya pelaburan emas memerlukan jangka masa yang panjang untuk memperoleh keuntungan maka secara langsung ia telah menyekat manfaat segera yang seharusnya diterima oleh penerima zakat. Oleh itu pada pandangan pengkaji, pelaburan emas dengan menggunakan dana zakat tidak diharuskan.

BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz Faraj Muhammad Musa (2017) Jurnal al-Amnu wa al-Qanun. Tahun ke 25. Bil. Ke 2.

Abdul Bary Awang (2011) Jurnal al-Tajdid. Vol. 15. Jil 29

Abdullah b Mahmud (1937) al-Ikhtiar Li Ta’li al-Mukhtar. Cairo: Matba’ah al-Halaby

Abu al-Baqa’ al-Syafiie (2004) al-Najm al-Wahhaj Fi Syar hal-Minhaj. Jeddah: Dar al-Minhaj.

Ahmadullah al-Bukhary (2020) https://albasulislami.com/%D8%A7%D8%B3%D8%AA%D8%AB%D9%85%D8%A7%D8%B1-%D8%A3%D9%85%D9%88%D8%A7%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B2%D9%83%D8%A7%D8%A9-%D8%AF%D8%B1%D8%A7%D8%B3%D8%A9-%D8%AA%D8%AD%D9%84%D9%8A%D9%84%D9%8A%D8%A9/

Al-Bujayrami al-Syafi'ie (1950) Hasyiah al-Bujayrami. Cairo: Matba'ah al-Halaby.

Al-Maqdisy, Badr al-Din (2008) al-Tazkirah Fi Usul al-Fiqh. Riyadh, Tahqiq Syihabullah. : Maktabah al-Rushd.

Al-Nadawy, Ali (1994) al-Qawaid alk-Fiqhiyyah. Damsyiq: Dar al-Qalam.

Al-Nawawy, Abu Zakariyyan Mahyuddin b. Syaraf (t,t) Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Sayuti: (t.t) al-Asybah wa al-Nazair Fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyyah. Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiyyah..

Al-Syawkani al-Yamany (t.t.) al-Sail al Jirar al-Mutadaffiq 'Ala Hadaiq al-Azhar. Beirut: Dar Ibn Hazm

Al-Zuhayli, Muhammad (2011) al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Syafi'ie. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jil. 3 hlm, 113

Azman Abd Rahman & Zahari Musa & Irwan Mohd Subri & Hasnizam Hashim & Syed Mohd Najib Syed Omar. 2020. *Kutipan Zakat Antara Sempadan Negeri: Isu Perundangan Syariah.* Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Azman Abdul Rahman & Afaf Sukari (2022) Dimensi baru pengurusan Kutipan dan Agihan zakat Dalam Mendepani Wabak covid-19. Nilai Univ. Sains Islam Malaysia.

Azman Abdul Rahman & Irwan Mohd Sobri (2014) Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam. Nilai : Univ. Sains Islam Malaysia.

Bahagian agihan zakat MAIPk. https://bantuanrakyat.my/skim-biasiswa-pelajaran-baitulmal-perak/

Baitul Mal MAIK. https://maik.kedah.gov.my/index.php/baitulmal/

Bensaid et. al (2013) رؤية أصولية لمسألة الاستثمار أموال الزكاة. Jurnal Fiqh. No 10. Ms 119-148.

Dewan Bahasa & Pustaka Edisi Keempat. Diakses daripada: https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pelaburan

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Diakses daripada: http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/6917dc0de669b9e4482578ed000a2975?OpenDocument

e-Sumber Maklumat Fatwa: Pelaburan Wang Zakat (Sarawak). Diakses daripada: http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15946

Farooq Alani & Hisyam Yaacob (2011) Pelaburan Dana Zakat: Satu Kajian Permulaan (Investment Of Zakat Fund: An Exploratory Study). Kertas kerja yang dibentangkan dalam World Congress on Islamic System 2011 [World-ISLAM2011] pada 28-29 November di Villa Hotel & Suites, Subang, Malaysia.

Ibn Majah, Abu Abdullah Muham Yazid al-Qazwiny (t.t) Sunan Ibn Majah. Cairo: Dar Ihya' Kutub al-Arabiyyah

Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (1992) Lisan al-Arab. Beirut: Dar al-Sadir.

Ibn. Qudamah al-Maqdisy ((1405H) al-Mughny. Beirut: Dar al-Fikr.

Investopedia. https://www.investopedia.com/terms/c/cash.asp

Majallat Majma' Fiqh al Islamy al-Dawly. Bil 6

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Diakses daripada: https://www.maiamp.gov.my/

Majma' Fiqh al-Islamy al-Dawly Bi;. 6

Mawsu'ah Fiqhiyyah (1993)

Nazih Hammad (2014) Mu'jam Mustalahat al-Maliah wa al-Iqtisadiayyah fi Lughat al-Fuqaha'. Damsyoq: Dar al-Qalam.

Perkhidmatan Sumber Am Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Diakses daripada: http://www.maidam.gov.my/index.php/en/sumber-am

Permohonan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal Negeri Perak 2022. Diakses daripada: https://bantuanrakyat.my/skim-biasiswa-pelajaran-baitulmal-perak/

Sa’dy, Abdul Malik Abdul Rahman (2017) فقه الزكاة ومستجداتها المعاصر. Amman: Dar al-Fath. Hal. 93.

Saleh Muhammad Fawzan (2005) Hukm Istismar Amwal al-Zakah Wa Dhawabitahu al-Fiqhiyyah. Riyadh: Kuniz Ishbiliyyah

Sumber Baitulmal Maik. Diakses daripada: https://maik.kedah.gov.my/index.php/baitulmal/

Syirbiny al-Khatib (2006) Mughny al-Muhtaj Ila Ma’rifat Ma’aany alfaz al-Minhaj. Cairo Dar al-Hadis. Jil. 2. Hlm. 86

Temubual bersama pegawai pemasar

Umar b. Syabah (1399H) Tarikh al-Madinah Li Ibn Syabah. Tahqiq Fuhaim Muhammad Syaltut. T.tpt.